

The use of Methadon Medicine as a Drug Medicinal Therapy in The Treatment of Drug Addict: a Pre-Emergency Examination to Three Trainers of Drug Recovery Centers

Muhammad Azwan Azimi¹, Abu Yazid Abu Bakar²

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan
Malaysia¹²

Abstract. Drug addiction is a problem faced by most countries. Regardless of the state of this drug addiction every year is getting worse and unwarranted if only through law enforcement. The detention of drug addicts, the death penalty for drug traffickers is not unimaginable for individuals who are trapped in this problem but are seen as unable to cope with recovery. Just look at cases of drug addicts who are sucking drugs after being released and there are still many new drug traffickers even though many drug traffickers were sentenced to death. This is why researchers need to look at one side of the other form of treatment to overcome this drug addiction problem. Researchers have chosen to interview 3 drug addicts who are trained at the rehabilitation and prevention centers or cure and care centers run by the National Anti-Drug Agency. The results of the interview will then conclude how effective the use of substitute methadone as therapy to drug addiction among residents of the National Anti-Drug Agency cure and care center in Jempol district. The interview questions will be based on the requirements of this paper and the findings will be formulated at the end of this paper.

Keywords: Cure and Care Centre, Drug Addicts, Methadone Therapy

1 Pengenalan

Saban tahun statistik jumlah individu atau kelompok yang terlibat dengan masalah ketagihan najis dadak ini mencatatkan rekod yang tidak baik untuk imej sesebuah negara membangun seperti Malaysia. Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan melaporkan bahawa Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan bahawa bermula dari tahun 1986 hingga 2016 jumlah penagih yang berdaftar adalah seramai 444,480 orang yang diambil dari seluruh negara (AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN MALAYSIA, 2016). Hal ini sudah pasti amat merisaukan terutama didalam keperluan memiliki rakyat yang sihat kalangan penagih dadah ini dianggap sebagai sampah masyarakat dan tidak baik untuk pembangunan negara. Jumlah belanja mengurus oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan sebagai agensi yang menguruskan penagih dadah ini juga dilihat agak tinggi iaitu merekodkan sebanyak 350,358 Juta Ringgit dibelanjakan (AADK, 2016). Sudah pasti ia sebuah angka yang amat besar terutama didalam keadaan ekonomi yang agak perlahan dana sebegini banyak boleh dimanfaatkan untuk pembangunan lain seperti pembangunan pendidikan dan sebagainya. Atas kerana itu pengkaji

melihat suatu keperluan untuk mengkaji bagaimana proses pemulihan ini berjalan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan apa kaedah rawatan yang dilaksanakan sehingga hari ini. Pengkaji mendapat maklumat mengenai satu kaedah terapi pemulihan dengan memberikan kepada kalangan penagih dadah sejenis cecair yang dikenali sebagai metadon. Hal ini menimbulkan minat untuk pengkaji melihat bagaimana fungsi metadon ini dan apakah ia benar-benar membantu pemulihan penagih dadah di negara ini tambahan pula cecair yang sama diguna pakai di negara-negara maju lain bagi menangani kes ketagihan dadah ini. Atas hasrat ini kertas kajian ini ditulis dan akan menjadi ruang untuk Pengkaji melihat fungsi metadon sebagai alat gantian dadah itu secara lebih inklusif dengan akan melibatkan 3 orang penagih yang menjadi pelatih di pusat cure and care Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

2 Tinjauan Literatur

Dadah secara umumnya adalah sejenis bahan yang digunakan untuk tujuan perubatan namun telah disalahgunakan oleh kelompok atau individu bagi tujuan tertentu. Antara tujuannya adalah untuk mendapatkan tenaga tambahan bagi tujuan aktiviti pekerjaan, sukan atau sebagainya. Bahkan ia juga bertujuan untuk mendapatkan rasa khayal bagi tujuan mencari keseronokan atau melupakan masalah dan tekanan hidup yang dihadapi. Namun pengambilan secara salah telah menyebabkan kelompok atau individu yang mengambil penggunaan dadah untuk tujuan sebegini akan mendapat ketagihan dan akhirnya membawa kesan buruk kepada fizikan dan emosi. Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK, 1998) menyebut bahawa dadah merupakan bahan psikoaktif yang memiliki ciri-ciri berikut iaitu membawa kesan buruk kepada sistem saraf pusat, digunakan bukan untuk tujuan perubatan, diperolehi secara haram, membawa pergantungan fizikal dan psikologi dan memberi kesan buruk kepada kesihatan dan fungsi sosial. Disamping itu menurut kajian lepas mengenai ketagihan ini (Mahmood Nazar & Md Shuib, 2003) menyatakan bahawa ketagihan dadah ini berlaku kerana pelbagai sebab namun antara faktor utama mereka tidak dapat meninggalkan gejala ketagihan ini kerana mereka perlu bergantung kepada bahan ini untuk meneruskan kehidupan atau pekerjaan seperti biasa seperti menghilangkan rasa letih bekerja, mengurangkan tekanan perasaan dan sebagainya.

Masa kini perkembangan teknologi juga turut membawa implikasi terhadap sektor perubatan tanah air. Pengenalan pelbagai kaedah rawatan menggunakan terapi psikoterapi atau terapi gantian dadah telah mula dipandang serius. Salah satunya ialah sejenis terapi alat gantian dadah yang dinamakan sebagai Metadon. Metadon menurut Kementerian Kesihatan Malaysia. Methadone adalah sejenis cecair yang berfungsi sebagai bahan gantian kepada pengambilan dadah yang mendatangkan beberapa kesan utamanya iaitu seperti menghilangkan gigitan atau ketagihan, mencegah keinginan untuk mengambil semula barang terlarang dan mengurangkan kesan akibat pengambilan dadah terlarang. (Surya & Ramli, 2012). Methadone boleh diberikan sebagai rawatan untuk pesakit luar di klinik dan hospital yang telah dipilih oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Methadone perlu diambil setiap hari dan pemberian methadone dipantau oleh pegawai farmasi dengan rapi di klinik dan hospital.

Setiap penerima terapi gantian methadone wajib memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh KKM dan mematuhi kaedah rawatan seperti yang ditetapkan. Penerima rawatan methadone wajib memaklumkan maklumat terapi methadone apabila berjumpa dengan mana-mana doktor bagi mengelakkan kesan interaksi yang serius dengan ubat-ubat lain. Terapi gantian methadone akan menjadi lebih berkesan apabila rawatan digabungkan dengan kaedah menangani masalah perubatan, psikiatri dan sosial yang lain. Kaunseling juga memberi kesan

positif di dalam terapi gantian methadone. Apabila *methadone* digunakan dengan betul, ia merupakan dadah yang selamat. Apabila disalahgunakan ia boleh menghasilkan kesan sampingan seperti mengantuk, letih lesu, loya, muntah, sukar membuang air kecil, perubahan emosi, gangguan corak tidur dan gangguan fungsi serta kurang keinginan dalam hubungan seksual. Kesan sampingan yang serius termasuk serangan sawan, malah dalam kes pengambilan methadone secara berlebihan ia boleh mengakibatkan kematian.

Dari Perspektif kaunseling pula penggunaan methadone sebagai bahan terapi gantian dadah akan lebih berkesan sekiranya dijalankan bersama dengan sesi kaunseling oleh kaunselor yang berdaftar. Pandangan yang dikongsikan menerusi akhbar arus Perdana Utusan Malaysia bertarikh 17 Jun 2006 yang menampilkan pandangan seorang penulis yang merupakan felo kanan Institut Kefahaman Islam Malaysia menekankan bahawa pemberian metadon kepada para penagih adalah amat baik dan ia perlu disejajarkan dengan sesi kaunseling yang dijalankan oleh agensi kaunseling atau kaunselor bertauliah untuk membantu menjayakan kesan metadon bagi merawat ketagihan dadah yang dialami oleh para penagih. Hal ini sejajar dengan konsep bahawa sokongan berbentuk moral dan emosi dapat diberikan sewaktu para penagih ini mendapatkan usaha berhenti dari tabiat buruk ini dengan mengambil metadon (Siti Fatimah, 2005). Malah menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan yang menjalankan sebuah kajian tentang penggunaan metadon serta sesi kaunseling ini kepada para penagih menyatakan bahawa program ini telah mendapat sambutan oleh ramai penagih yang beriltizam mahu berhenti dari tabiat ketagihan dadah malah ketika kajian yang berjalan ini pada sehingga Mac 2009 mencatatkan bahawa seramai lebih 184 orang penagih menyertai program pemulihan oleh AADK yang diadakan di sebuah daerah di Johor (Sangeeth Kaur, Hafidhah & Mahmood Nazar, 2010).

Menerusi tinjauan literatur ini pengkaji dapat melihat bahawa penggunaan metadon sebagai terapi gantian dadah dilihat telah bermula sejak sekian lama dan mendapat maklumbalas positif. Namun sejauh manakah kesannya terhadap penagih yang akan dilihat kelak.

3 Objektif Kajian

(1) Mengenalpasti keberkesanan penggunaan Metadon sebagai terapi gantian dadah; (2) Mengenalpasti pengalaman pengguna metadon yang terdiri daripada 3 orang penagih dadah; (3) Melihat perbezaan sewaktu pengambilan dadah sebelum pengambilan metadon dan selepas; (4) Melihat kesan sampingan penggunaan metadon; (5) Mendapatkan pandangan penagih dadah yang sedang berusaha untuk pulih dengan kaedah ini.

4 Persoalan Kajian

(1) Sejauh manakah keberkesanan penggunaan metadon sebagai terapi gantian dadah?; (2) Bagaimana pengalaman pengguna metadon yang terdiri daripada 3 orang penagih dadah ini?; (3) Bagaimana perbezaan sewaktu pengambilan dadah sebelum pengambilan metadon dan selepas?; (4) Apakah kesan sampingan yang dialami ketika mengambil metadon ini?; (5) Apakah pandangan penagih dadah yang sedang berusaha untuk pulih terhadap kaedah ini?

5 Pernyataan Masalah

Ketagihan dadah adalah sebuah permasalahan yang dihadapi oleh kebanyakan negara. Tidak mengira keadaan sebuah negara ketagihan dadah ini saban tahun semakin memuncak

dan tidak dapat dibendung jika hanya menerusi penguatkuasaan undang-undang. Penahanan terhadap penagih dadah, hukuman mati terhadap pengedar dadah bukanlah tidak menggerunkan individu tau kelompok yang terjebak didalam masalah ini namun ia dilihat sebagai tidak berupaya membendung secara pemulihan. Lihat sahaja kes penagih dadah berulang menghisap dadah setelah dibebaskan dan masih banyak pengedar dadah baru muncul walaupun ramai pengedar dadah yang dijatuhkan hukuman bersalah telah dihukum mati. Ini menyebabkan pengkaji berasa perlu untuk melihat satu sisi pembendungan lain yang berbentuk rawatan untuk mengatasi masalah ketagihan dadah ini. Pengkaji telah memilih untuk menemui 3 orang penagih dadah yang menjadi pelatih di pusat pemulihan dan pencegahan atau cure and care centre yang dikendalikan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Hasil dapatan temubual nanti akan menyimpulkan sejauh mana keberkesanan penggunaan bahan gantian bernama metadon sebagai terapi kepada ketagihan dadah dikalangan penghuni cure and care centre Agensi Anti Dadah Kebangsaan di daerah Jempol. Soalan temubual akan dirangka berdasarkan keperluan kepada kertas ini dan dapatan akan dirumuskan di pengakhiran kertas ini kelak.

6 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan kajian kes. Kaedah ini memudahkan Pengkaji untuk mendapatkan data dalam bentuk kajian kes yang boleh berhubung secara langsung dengan peserta kajian terdiri daripada responden kajian di Penjara Seremban kelak. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji mampu memahami perlakuan-perlakuan manusia dengan lebih mendalam melalui pengalaman dan pengetahuan (Miles & Huberman, 1994). Penyelidikan dengan kajian kes juga sesuai digunakan apabila kajian melibatkan pemerhatian dan peristiwa tentang perkara yang ingin dikaji (Miles & Huberman, 1994). Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini kerana pengkaji masih dalam proses untuk menerokai pbolehubah dan kajian literatur yang lepas tidak banyak memberikan informasi tentang fenomena pengkajian, dan melalui kaedah ini pengkaji mampu memperoleh maklumat secara mendalam daripada penerokaan yang dilakukan kepada responden (Cresswell, 2014). Proses penilaian kualitatif ini adalah bersifat induktif di mana pengkaji akan mengeluarkan teori baru atau mengembangkan teori berdasarkan pada data yang terkumpul. Ini juga bermaksud pendekatan kualitatif ini bersifat eksploratif oleh kerana terbatasnya pengetahuan tentang sesuatu tema kajian. Kaedah kajian kes yang digunakan oleh pengkaji bagi kajian ini ialah kaedah kajian kes satu kes pelbagai tempat (multicase multiplesite) (Cresswell, 2014). Multicase di sini merujuk kepada tiga orang penagih dadah yang menggunakan metadon telah memberikan data tentang penggunaan bahan gantian metadon sebagai terapi kepada ketagihan dadah dikalangan penghuni Cure and Care Centre Jempol ini. Peserta kajian yang dipilih juga terdiri daripada tiga orang pelatih penagih dadah yang telah mengambil metadon untuk beberapa tempoh dan terdiri dari pelbagai tempoh dan jenis dadah yang diambil bagi mendapatkan data yang tepat tentang sejauh mana alat gantian terapi ini memberikan kesan akhirnya kelak.

Instrumen kajian ini telah menggunakan kaedah temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur (Miles & Huberman, 1994). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik temubual separa berstruktur yang bersifat fleksibel bagi memudahkan responden membuat huraian mengikut kesesuaian. Bentuk soalan boleh dilihat di lampiran kelak. Bagi proses analisis data proses transkripsi data akan dilakukan daripada hasil temu bual yang akan dilakukan Apabila data telah disemak, pengkaji perlu mendapatkan

tema-tema penting daripada data tersebut. Proses yang sama terus dilakukan sehingga sampai pada tahap ketepuan data. Untuk memudahkan pengkaji mengorganisasikan data, perisian NVivo 7 digunakan. Sebelum proses analisis dilakukan menggunakan perisian tersebut, semua hasil transkripsi dipastikan bersih terlebih dahulu, iaitu dengan cara meminta tolong semak semula (peer-checking) oleh subjek kajian (Galang Surya, 2016).

Selain itu, soalan susulan juga akan dikemukakan bagi mengukuhkan kesahan data yang diperolehi. Setiap sesi temubual akan dirakam dan ditranskripsikan dan kemudian pengkaji perlu menganalisa tema-tema yang muncul bagi menjawab persoalan kajian.

7 Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini telah didapati setelah menjalankan temubual kepada 3 orang responden. Secara asasnya temubual ini dijalankan di luar premis Agensi Anti Dadah Kebangsaan kerana kekangan peraturan yang mana ketika temubual hendak dijalankan memerlukan notis permohonan lebih awal dan pengkaji tidak sempat memohon secara rasmi. Lalu Pengkaji berjaya mendapatkan 3 orang responden yang terdiri dari pelatih di pusat berkenaan dan tidak tinggal dipusat berkenaan namun berulang alik mendapatkan perkhidmatan pemulihan yang disediakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan ini. Responden pertama bernama Osman (Bukan nama sebenar) merupakan seorang penagih tegar hampir 18 tahun. Beliau mula mengambil dadah jenis heroin sejak berusia 25 tahun. Semuanya bermula kerana terikut dengan kenalan kumpulan muziknya yang mengambil dadah ini untuk lebih bertenaga ketika melakukan persembahan. Berdasarkan soalan yang telah saya buat mengikut persoalan kajian mendapati bahawa responden telah memberi beberapa maklumat penting yang perlu saya dapatkan. Osman telah mengambil metadon hampir 3 tahun sejak ditahan di Penjara Masjid Tanah, Melaka. Menurut Osman itu adalah kali pertama beliau diminta untuk mengambil metadon bagi mengatasi masalah ketagihannya. Semuanya kerana arahan pihak penjara yang menahan beliau. Menurut beliau metadon memang membantu beliau untuk pulih dari ketagihan dadah. Sejak setelah hampir 18 tahun menagih dadah jenis heroin baru 3 tahun kebelakangan ini beliau mengambil metadon dan beliau mengakui bahawa tidak langsung mengambil dadah heroin semula. Malah beliau yang juga sudah sekian lama menjadi pelatih pemulihan sukarela menyatakan bahawa hidupnya lebih baik dan kini mampu mengawal pengambilan metadon pula. Pada peringkat awal beliau akui agak sukar kerana metadon tidak sekuat heroin namun dos metadon boleh diubah mengikut tahap ketagihan oleh para penagih. Osman memaklumkan pada peringkat awal sehari beliau terpaksa mengambil metadon lebih 3 kali kerana terlalu ketagih kepada dadah heroin namun ia kini berkurang kepada satu botol untuk dua hari dan metadon ini didapati daripada pusat cure and care AADK berhampiran. Beliau mengakui mengambil metadon menyebabkan kebergantungannya daripada dadah heroin kepada metadon pula dan boleh beliau sifatkan jua sebagai ketagih namun kini kepada bahan yang baik berbanding heroin. Metadon mengakibatkan beliau boleh bekerja seperti biasa dan menahan rasa ketagihan. Mengakui juga bahawa amat sukar untuk berhenti dari dadah namun metadon telah sedikit sebanyak membantu beliau untuk berusaha memulihkan diri dari kesan ketagihan dadah yang dialami. Setidaknya beliau juga menyatakan bahawa beliau berjaya mengembalikan sinar didalam kehidupannya, dapat bekerja seperti biasa untuk menyara keluarga dan sebagainya. Beliau berpandangan bahawa metadon amat baik dan mengharap lebih ramai penagih yang mengalami masalah ketagihan yang mahu berhenti agar segera berjumpa dengan AADK dan mula mendapatkan alat gantikan dadah yang bersifat baik seperti metadon. Namun beliau menyatakan juga bahawa ada penagih yang tidak jujur.

Menjadikan metadon sebagai bahan ketagihan diambil bersama dadah dan makin menyebabkan ketagihan lebih teruk. Pada isu ini Osman berharap ada sesuatu yang boleh dilakukan bagi mengekang gejala ini kerana menurutnya metadon ada dijual di klinik swasta dan farmasi disamping di agih secara percuma kepada penagih dadah menerusi program di AADK, Hospital Daerah dan Klinik Kerajaan.

Responden kedua bernama Azman (Bukan nama sebenar). Azman adalah seorang bekas pegawai tentera yang berpujian setelah berkhidmat selama 21 tahun. Beliau mula mengambil dadah ketika didalam perkhidmatan tentera dan beberapa kali di masukkan ke tahanan tentera kerana kes dadahnya. Namun nasib beliau agak baik tidak dibuang dari perkhidmatan kerana beliau bukanlah merupakan penagih tegar hanya mengambil dadah untuk suka-suka sahaja. Namun menjelang persaraan, beliau semakin terlibat dengan serius didalam masalah dadah. Berbanding sebelumnya hanya mengambil dadah jenis Ganja beliau mula beralih ke dadah yang lebih kuat iaitu Heroin. Puncanya kerana beliau mengalami tekanan perasaan akibat kematian isteri dan anak-anaknya dalam kemalangan jalanraya. Beliau mula mengambil dadah setelah diperkenalkan oleh kenalan kampungnya bagi mengatasi kesedihan yang dialami. Sangkaan beliau heroin seperti ganja yang boleh dikawal kesan ketagihannya adalah silap dan mengakibatkan beliau terjerumus kedalam lembah ini berterusan. Sehingga beliau ditangkap pada September tahun 2016 atas kesalahan memiliki heroin seberat 300gram didalam keretanya. Namun kes beliau berjaya dilepaskan tanpa sabitan digugurkan kerana pihak pendakwaan tidak memiliki bukti kukuh bahawa dadah itu adalah miliknya. Namun beliau diubah pertuduhan menurut seksyen 15 (1A), Akta Dadah Berbahaya 1952 atas kesalahan memasukkan dadah kedalam badan. Beliau telah dihantar ke Penjara Seremban untuk menjalani hukuman selama 18 bulan. Beliau kini dibebaskan dengan pengawasan ketat dan dipasang alat pengawalan orang dalam perhatian serta perlu melaporkan diri ke balai polis berhampiran dan menjalani program pemulihan di AADK berhampiran. Beliau masih baru mengambil metadon sebagai kaedah gantian dadah heroin yang diambil sebelum ini. Beliau mengakui bahawa amat sukar kerana metadon tidak standing dengan dadah heroin namun berupaya menahan kehendak beliau dari berulang mengambil dadah semula. Atas tekad mahu berubah dan ditanggalkan alat pengawalan serta mahu diterima semula oleh masyarakat beliau meneruskan program pemulihan secara sukarela dan akan hadir setiap hari ke pusat pemulihan AADK Jempol bagi meneruskan program. Beliau kini mengambil dos metadon sebanyak 2 botol sehari dan masih peringkat awal proses pemulihan. Menurut beliau metadon memberikan kesan sampingan. Kerana sebelum pengambilan metadon beliau tidak memiliki sebarang masalah berkaitan kesihatan buah pinggan namun kini menghadapi sakit buah pinggang. Namun Pengkaji tidak dapat mengesahkan sejauh mana beliau benar-benar mendapatkan sakit ini kerana kesan metadon dan akan bertanya lebih lanjut kepada pihak berkenaan selepas ini. Beliau berharap bahawa metadon benar-benar akan membantu beliau mengatasi masalah ketagihan dadah yang dialami dan berharap kerajaan terus memberikan secara percuma kerana harga alat gantian dadah ini amat mahal sekiranya dibeli sendiri di farmasi atau klinik swasta.

Responden ketiga bernama Mamat (Bukan Nama Sebenar) yang merupakan penagih berulang sehingga harini. Namun masih meneruskan rawatan pemulihan walaupun gagal menahan. Beliau mengambil metadon selain dari usaha pemulihan juga turut mengambil ia kerana menggantikan dadah sekiranya stok dadah yang beliau ambil terputus. Beliau mengambil dadah jenis heroin yang kini telah masuk tahun ke 8 ketagihannya. Berbeza dengan dua responden awal, Mamat bernasib baik kerana sehingga hari ini tidak pernah ditahan dan disabitkan dibawah akta dadah berbahaya. Namun beliau hadir ke AADK secara sukarela

kerana akur dengan nasihat keluarganya yang mahukan beliau berhenti dari ketagihan dadah dan akan menyokong sepenuhnya usaha pemulihan. Mamat menyatakan telah mengambil metadon selama hampir 1 tahun dan kini secara perlahan-lahan mampu keluar dari masalah ketagihan dadah heroin yang dialami. Namun beliau menyatakan kebergantungan kepada metadon amat kuat dan sekiranya tidak mendapatkan metadon beliau tidak berupaya menjalani kehidupan harian dengan baik. Atas kerana itu beliau bersangka bahawa metadon menyebabkan ketagihan juga namun sedikit lebih baik berbanding dadah kerana metadon adalah bahan yang sah dan dikeluarkan oleh kerajaan serta tidak menyebabkan kesan sampingan seperti pengambilan dadah heroin atau selainnya. Beliau kini mengambil metadon sebanyak 3 botol sehari dan dipantau pengambilan oleh pegawai AADK kerana beliau akan tinggal di pusat pemulihan itu bermula hari isnin hingga jumaat dan kembali kerumah setiap hari Sabtu dan Ahad. Hal ini kerana beliau mahu memastikan program yang diikuti dapat secara menyeluruh dan menghargai nilai kebebasan yang diberikan oleh AADK kini kepada pelatih sukarela yang datang ke Cure and Care Centre yang dikendalikan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Beliau berpandangan bahawa metadon perlu diteruskan dibekalkan kepada pelatih penagih dadah yang sedang berusaha untuk pulih.

Berdasarkan ketiga-tiga responden ini dapat Pengkaji simpulkan dari 5 persoalan kajian iaitu sejauh mana keberkesanan penggunaan metadon sebagai bahan terapi gantian dadah ini diakui ketiga-tiga responden memberikan data yang sama iaitu metadon amat berkesan didalam mengurangkan kesan rasa ketagihan dan mengatasi pengulangan pengambilan semula dadah. Yang kedua ialah pengalaman penggunaan metadon dari ketiga-tiga ini adalah sekata iaitu mengambil metadon dalam lingkungan jangka masa satu hingga tiga tahun dan ketiga-tiga responden masih mengambil metadon ini. Yang ketiga ialah mengenai perbezaan sewaktu sebelum pengambilan metadon dan selepas, ketiga-tiga responden bersetuju bahawa ada perbezaan yang wujud iaitu terutama terhadap ketagihan pengambilan dadah yang mereka alami sejak sekian lama. Mereka semua mendapati penggunaan metadon berjaya setidaknyanya membantu mereka mengekang rasa ingin mengambil semula dadah. Yang keempat ialah berkenaan kesan sampingan. Berdasarkan ketiga-tiga responden mereka mengalami kesan sampingan berbeza. Namun kesan sampingan seperti didakwa oleh responden kedua tidak dapat disahkan dan Pengkaji berharap ada kajian lanjut dari lapangan yang lebih layak dan sesuai keatasnya. Namun ketiga-tiga responden ini benar mengakui persamaan kesan pengambilan metadon ini ialah terhadap kebergantungan kepada bahan gantian dadah ini dan sekiranya tidak mendapatkan ia akan menyebabkan mereka berasa tidak mampu menjalani kehidupan dengan baik. Disini ada baiknya sekiranya kajian peringkat psikologi dijalankan keatas kalangan penagih yang mengambil metadon ini tentang realiti kesan sampingan yang wujud. Yang terakhir ialah berkenaan dengan pandangan para responden ini tentang pengambilan bahan ini terhadap usaha mereka untuk bebas dari masalah ketagihan dadah ini ialah ketiga-tiga responden setuju bahawa berharap metadon terus dijadikan bahan gantian dadah dan diedarkan secara percuma tambah bahan ini benar berjaya membantu mereka mengurangkan masalah ketagihan yang sedang dialami. Namun beberapa kerisauan Pengkaji timbul terutama terhadap sampai bila mereka ini akan terus bergantung dengan pengambilan bahan gantian metadon sebagai terapi kepada ketagihan dadah?

8 Perbincangan dan Kesimpulan

Secara dasarnya pengkaji melihat bahawa penggunaan bahan gantian metadon sebagai terapi kepada ketagihan dadah dikalangan penghuni Cure and Care AADK Jempol ini adalah

satu gambaran bahawa ia adalah sebuah kaedah yang positif. Mendasari jawapan oleh para responden perlu diakui bahawa ketiga-tiga mereka mengakui bahawa metadon membantu mengatasi masalah ketagihan mereka. Namun tidak dapat dinafikan jua bahawa kesan sampingan seperti kebergantungan terhadap bahan ini amat tidak baik dan saban tahun kerajaan akan mengeluarkan belanja yang besar untuk membekalkan metadon secara percuma. Disini satu mekanisma baharu perlu dibentuk dan kajian lebih mendalam terhadap perkara ini perlu dilaksanakan demi melihat kesinambungan penggunaan bahan bernama metadon ini berjaya dan tidak pula menjadi masalah baru iaitu kebergantungan kepada bahan metadon ini pula. Pengkaji ingin mencadangkan kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk meneruskan kajian yang Pengkaji berasa agak baik sekiranya lebih mendalam ini dan menghasilkan resolusi yang lebih besar. Perlu diakui bahawa kajian seperti ini amat baik dan memberikan impak positif kepada kerajaan untuk mendapatkan pandangan serta sebarang rangka cadangan awal untuk mekanisma penambahbaikan program pemulihan penagihan dadah dinegara ini. Pengkaji ini menyimpulkan disini terhadap dua poin utama iaitu metadon memberikan kesan yang baik kepada mengatasi masalah ketagihan dadah ini. Yang kedua metadon berupaya membantu namun perlu ada mekanisma untuk mengkaji kesan jangka panjang dan cadangan untuk melihat bagaimana langkah lain dapat dibentuk untuk memperkasakan program pemulihan dadah dinegara ini.

Sebuah kajian lebih mendalam perlu dijalankan dan pengkaji berharap agar perkongsian yang Pengkaji sediakan didalam kajian ringkas ini dapat membantu usaha untuk kajian lebih mendalam dilakukan. Tidak dinafikan bahawa kajian sedia ada sudah banyak namun pengkhususan kepada metadon sebagai bahan gantikan terapi kepada masalah ketagihan dadah ini perlu lebih diberikan perhatian dan kerjasama ini pasti akan didokong oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan kelak.

Rujukan

- [1] AADK . (1998). Kenali dan Perangi Dadah. Kuala Lumpur: Kementerian Dalam Negeri. Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia. (2016). Maklumat dadah 2016. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.
- [2] Galang Surya Gemilang. (2016). Metod Peneletian Kualitatif Dalam Bidang Bimbingan dan Konseling. Jakarta: Pustaka Jakarta.
- [3] John Cresswell. (2014). Educational Research : Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research, Enhanced Pearson Etext with Loose-Leaf Version -- . Pearson.
- [4] Mahmood Nazar Mohamad & Mad Shuib Che Din . (2003). Memulihkan Penagih Tegar : Implikasi Terhadap Modaliti Masa Kini Pengurusan Tenaga Kerja Di Malaysia. Sintok: UUM.
- [5] Miles, M & Huberman. (1994). Qualitative Data Analysis : A Source Book Of New Methods. Beverly Hills: Sage Publication .
- [6] Sangeeth Kaur, Hafidhah Mohd & Mahmood Nazar Mohamed. (2010). PROJEK PERINTIS PROGRAM RAWATAN TERAPI GANTIAN (RTG) MENGGUNAKAN METADONE DI PUSAT KHIDMAT AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN. JURNAL AADK, 11.
- [7] Siti Fatimah Abdul Rahman. (2005, Jun 12). Arkib Utusan Malaysia. Didapatkan dari Utusan Malaysia Online: http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0617&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm

Muhammad Azwan Amini & Abu Yazid Abu Bakar

*The use of Methadon Medicine as Drug Medicinal Therapy in the Treatment of Drug Addict:
a Pre-Emergency Examination to Three Trainers of Drug Recovery*

- [8] Suraya Yusoff & Ramli Musa. (2012, april 20). Terapi Gantian Metadon . Didapatkan dari My Health Portal : <http://www.myhealth.gov.my/terapi-gantian-methadon/>